

KIK HIBRID

**KONVENSYEN INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT WILAYAH SARAWAK
TAHUN 2019**

**SISTEM SEMAKAN STATUS
MEMELUK AGAMA ISLAM SARAWAK**

S3MAIS



**JABATAN
PENDAFTARAN
NEGARA
NEGERI SARAWAK
BANGUNAN TUN DATUK
PATINGGI TUANKU
HAJI BUJANG
JALAN SIMPANG TIGA
93551 KUCHING
082-242221**



**JABATAN AGAMA ISLAM
SARAWAK
ARAS 14, MAJMA` TUANKU
ABDUL HALIM MU`ADZAM
SHAH
LORONG P.RAMLEE
OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING
082-507241**



**MAJLIS ISTIADAT
SARAWAK
LOT 10176, BLOK 59
MUARA TUANG LAND
DISTRICT
JALAN DATO MOHD
MUSA
94300 KUCHING
082-662367**

ISI KANDUNGAN

| | | PAGE |
|----|-------------------------|-------|
| 01 | RINGKASAN EKSEKUTIF | 1-2 |
| 02 | LATAR BELAKANG KUMPULAN | 2-3 |
| 03 | SIGNIFIKAN PROJEK | 4-11 |
| 04 | TINDAKAN PENYELESAIAN | 11-16 |
| 05 | KEBERHASILAN PROJEK | 17-23 |
| 06 | PENGEMBANGAN PROJEK | 24 |
| 07 | PENGHARGAAN | 25 |

RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGENALAN

Sistem Semakan Status Memeluk Agama Islam Sarawak (S3MAIS) dibangunkan untuk menyemak status individu yang telah memeluk agama Islam di Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak tetapi belum memohon pindaan butiran dalam kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara.

PROSES KERJA SEMASA

JAIS – Menerima permohonan memeluk agama Islam

- ❖ Mengeluarkan surat perakuan dan kad memeluk agama Islam.

JPN – Menerima permohonan pindaan butiran dalam Kad Pengenalan

- ❖ Pemohon hadir ke mana-mana pejabat JPN.
- ❖ Mengemukakan dokumen yang lengkap.
- ❖ Permohonan diproses dan kelulusan oleh panel Ibu Pejabat Negeri Sarawak dan JPN Putrajaya.

MAIS – Menerima permohonan pendaftaran perkahwinan dan perceraian secara Adat.

- ❖ Mengeluarkan Sijil Tikah (Sijil Perkahwinan).
- ❖ Mengeluarkan Sijil Sarak (Sijil Penceraian).

INOVASI PROJEK

Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak(JPNS) dengan Kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak (JAIS) dan Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak (MAIS) membangunkan satu sistem atas talian bagi menyemak status individu yang telah memeluk agama Islam yang dikenali sebagai “**S3MAIS**” iaitu “**Sistem Semakan Status Memeluk Agama Islam Sarawak**”.

RINGKASAN EKSEKUTIF

HALATUJU PROJEK

- ❖ Dengan adanya sistem S3MAIS ini, integrasi JPNS, JAIS dan MAIS dapat menyelesaikan semakan status individu yang telah memeluk agama Islam dan tidak memohon pindaan butiran kad pengenalan. Ini bagi mengelakkan konflik, data tidak tepat, tidak sah, kecelaruan identiti dan agama.
- ❖ S3MAIS ini diperluaskan ke pejabat JPNS (230) seluruh Malaysia, pejabat JAIS (15) dan pejabat MAIS (69 di pejabat daerah dan pejabat daerah kecil di Sarawak).
- ❖ Membantu memastikan kesejahteraan institusi kekeluargaan ke arah kestabilan sosial dan negara.

KELEBIHAN PROJEK

- ❖ Mengelakkan pertindihan maklumat perkahwinan dan peningkatan jumlah anak tidak sah taraf
- ❖ Mengelakkan pertelingkahan urusan kematian/pengkebumian, perebutan/pemilikan harta dan hak penjagaan anak.
- ❖ Mengelakkan kecelaruan identiti /agama
- ❖ Melancarkan proses kerja untuk mencapai piagam pelanggan JPNS, JAIS dan MAIS

1. LATAR BELAKANG KUMPULAN

NAMA KUMPULAN : DE BORNEO CROC

LOGO KUMPULAN :

DITUBUHKAN : 20 APRIL 2018



NAMA AHLI KUMPULAN :

JPN - Belayong Anak Layang (**Ketua**)


Nur Aleeya Emily (**Setiausaha**), Suffian Bin Haji Bujang,

Siti Rahmat Binti Mohamad Sula, Eizati Binti Ahmad,

Hamidah Binti Sadam dan Mohammad Safuani bin Hamzah

MAIS - Angela Anak Geruna dan Gekie Anak Utak

JAIS - Saat Bin Osman



1. LATAR BELAKANG KUMPULAN

PENYERTAAN AKAN DATANG :

1. KIK Peringkat Negeri Sarawak
2. KIK Peringkat Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

KOMITMEN AHLI DAN PENYIAPAN PROJEK



Perjumpaan dengan JAIS



Mesyuarat KIK



Pembentangan kepada pengurusan tertinggi JPN Putrajaya



Perjumpaan dengan MAIS



Mesyuarat KIK



Pembentangan kepada pengurusan atasan



Uji cuba sistem



Bengkel pembangunan sistem



MOU

2. SIGNIFIKAN PROJEK

TAJUK PROJEK DAN PERNYATAAN MASALAH

NAMA PROJEK : S3MAIS

KETERANGAN PROJEK : 20 APRIL 2018

KATEGORI PROJEK : INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN / PENAMBAHBAIKAN

Pernyataan Masalah : Kesukaran menyemak maklumat individu yang telah memeluk agama Islam (mualaf) tetapi belum menukar MyKad di JPN dan telah bercerai atau berkahwin semula secara sivil ataupun adat.

2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.1 : KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN

| | MISI | VISI | PIAGAM PELANGGAN | SLOGAN |
|------|---|---|---|---|
| JPN | Peneraju terunggul pengurusan rekod penduduk negara demi keselamatan dan kesejahteraan negara | Memastikan pengurusan rekod pengenalan diri yang sah dan terpelihara dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk demi keselamatan negara serta sebagai agensi rujukan utama rekod penduduk negara. | Permohonan pindaan butiran kad pengenalan diproses dalam masa 3 bulan. | Rakyat Di Hati JPN |
| JAIS | Islam amalan hidup | Memimpin dan membimbing Ummah berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah | Surat pengesahan memeluk agama Islam dikeluarkan dalam tempoh satu(1) hari bekerja. Kad perakuan memeluk agama Islam dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah didaftarkan | Tiada |
| MAIS | The authority on Adat | As the custodian to preserve, nurture dan promote the customary laws and adat of the natives of Sarawak | To certify the validity of marriage under Native Customary Laws within ten (10) working days | Bejalai Betungkat Ke Adat, Tinduk Bepanggal Ke Peningat |

Hubung kait projek dengan fungsi utama jabatan :

- ❖ Projek menyokong ke arah Misi, Visi, Piagam Pelanggan, Slogan dan Tanggungjawab jabatan sekaligus memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.
- ❖ Rekod individu yang baru memeluk agama Islam lebih sistematik melalui **S3MAIS** yang efektif dan efisien bagi menyelesaikan masalah semakan status individu yang memeluk agama Islam di Negeri Sarawak.
- ❖ Status agama merupakan butiran penting dalam kad pengenalan. Dengan wujudnya S3MAIS, rekod kependudukan negara adalah sah dan tepat serta lebih menyeluruh.
- ❖ Wujudnya S3MAIS ini, status agama dapat diketahui di mana perkahwinan sepatutnya di daftar seterusnya Adat dapat dijaga, dipelihara dan sentiasa diamalkan.

2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.2 : MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN

DESIGN THINKING CONCEPT

Dalam **Peraturan 14(1)(a) AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959 (AKTA 78) DAN PERATURAN-PERATURAN** di mana seseorang yang didaftar di bawah Peraturan-Peraturan ini yang menukar namanya hendaklah segera melaporkan hal itu ke pejabat pendaftaran yang terdekat dan memohon kad pengenalan gantian dengan mengandungi butir-butir yang betul.

- ❖ Tiada **tempoh masa** yang ditetapkan / diwajibkan bagi sesiapa yang telah memeluk Islam (mualaf) menukar butiran kad pengenalan. Sekiranya berlaku perkara berbangkit barulah timbul kesedaran kepentingan maklumat yang ada pada Kad Pengenalan.
- ❖ Kesan dari tidak menukar butiran kad pengenalan mengakibatkan mereka berulang alik ke Agensi / Jabatan (JPN / JAIS / MAIS) yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Namun sukar serta mengambil masa yang lama dan cuba meletakkan kesalahan pada pihak tertentu, menjadikan mereka salah satu golongan sasaran dalam projek ini.
- ❖ Oleh itu, kumpulan menggunakan konsep DESIGN THINKING bagi menyelami masalah pelanggan yang hadir melalui temubual dan soal selidik di kalangan kakitangan.



DATA INPUT :

❖ TEMUBUAL

Kumpulan DBC telah menemubual pelanggan untuk menyelami, mendapatkan maklumat dan cuba membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

❖ SOAL SELIDIK

Soal selidik telah dilakukan di atas 15 kakitangan JPNS, JAIS dan MAIS.



2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.3 : KAITAN DENGAN AGENDA NASIONAL

TAJUK : CABARAN 4 — MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERMORAL DAN BERETIKA, YANG MANA WARGANEGARANYA TEGUH DALAM NILAI AGAMA DAN KEROHANIAN DAN DIDUKUNG OLEH NILAI ETIKA PALING TINGGI.

SUMBER : WAWASAN 2020 — CABARAN STRATEGIK OLEH TUN MAHATHIR

PELANGGAN

- ❖ Menjamin keharmonian masyarakat pelbagai kaum.
- ❖ Mengelakkan kekeliruan identiti agama
- ❖ Mengelakkan pertindihan maklumat perkahwinan

KAKITANGAN

- ❖ Mencapai piagam pelanggan yang ditetapkan Jabatan / Agensi dan seterusnya melangkaui ekspektasi dalam penyampaian perkhidmatan

JABATAN

- ❖ Melindungi keselamatan dan kesahihan rekod individu



JUSTIFIKASI : KE ARAH SEBUAH JABATAN YANG MENERAJU KECEMERLANGAN KE ARAH WAWASAN 2020

TAJUK : 159,725 ANAK TAK SAH TARAF DI DAFTAR SEJAK 2013

SUMBER : BERITA HARIAN ONLINE, 12 SEPTEMBER 2016

- ❖ Menyumbang masalah pembahagian harta
- ❖ Masalah pembentukan institusi keluarga yang menyebabkan keclaruan identiti
- ❖ Status anak dalam dokumen

JUSTIFIKASI : KE ARAH REKOD PENDUDUK YANG SAH, CEKAP, TEPAT DAN TERKINI

159,725 anak tak sah taraf didaftar sejak 2013: JPN

Kurang pendidikan agama, moral punca kes anak luar nikah dalam kalangan wanita Islam

Difahsiah Ahmad
syarif@com.my

8 Mac 2016

Rahib Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) membeberhkan 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tidak sah taraf didaftarkan pada 2013.

Fakta nombor
53,492 ORANG
anak luar nikah didaftarkan pada 2013

Tanda-tanda perubahan
54,614 ORANG
anak luar nikah didaftarkan pada 2014

8 Mac 2016
51,169 ORANG
anak luar nikah didaftarkan pada 2015

berikan telenor telah memajukan pemantauan selular 3G/LTE. Selain itu, berhubung telenor akan memulakan perkhidmatan ini.

Terdahulu juga membolehkan Kementerian Pendidikan negara menguruskan semua permohonan permohonan untuk memohonkan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Persekitaran ini telah berkesan membolehkan kerajaan menguruskan semua permohonan permohonan untuk memohonkan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Persekitaran ini telah berkesan membolehkan kerajaan menguruskan semua permohonan permohonan untuk memohonkan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Persekitaran ini telah berkesan membolehkan kerajaan menguruskan semua permohonan permohonan untuk memohonkan pendaftaran kelahiran dan kematian.

Persekitaran ini telah berkesan membolehkan kerajaan menguruskan semua permohonan permohonan untuk memohonkan pendaftaran kelahiran dan kematian.

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS



“Kerjasama strategik JPN, JAIS dan MAIS ini adalah untuk memastikan data kependudukan yang tepat dan reliable bagi membantu kerajaan untuk merancang dan melaksanakan dasar-dasar negara dengan lebih terancang serta berkesan. Hal ini bukan sahaja pada rancangan Malaysia, namun semua perancangan kerajaan ke atas penduduk sama ada dari aspek ekonomi, pendidikan atau sosial dapat direalisasikan melalui data kependudukan yang mantap.”

2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.3 : KAITAN DENGAN AGENDA TEMPATAN (LOCAL)

TAJUK : KAHWIN CAMPUR LAHIRKAN GENERASI HIBRID DI SARAWAK

- ❖ Sarawak merupakan sebuah negeri yang terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum dan mengamalkan serta memelihara Adat dan pelbagai budaya.
- ❖ Adalah penting untuk mengekalkan keharmonian masyarakat sejagat dan Masalah-masalah yang timbul akibat perkahwinan campur dapat dibendung dari terus berlaku.



SUMBER :
UTUSAN BORNEO ONLINE

TAJUK : DIGITAL GOVERNMENT

- ❖ Sebagai langkah untuk menghadapi cabaran semasa seiring dengan perkembangan teknologi terkini bagi memenuhi dan memberi penekanan kepada keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan
- ❖ Menginovasikan penggunaan laman sesawang atas talian kepada penyampaian perkhidmatan jabatan bagi memastikan penyampaian data penduduk dengan cepat dan tepat

Sarawak lancar Strategi Ekonomi Digital, SMA



SUMBER :
UTUSAN ONLINE

2.3 : KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

- ❖ Mengelakkan masalah yang boleh mengganggu gugat keharmonian sesebuah institusi keluarga , masyarakat dan negara
- ❖ Beberapa isu terkini yang berkaitan seperti kecelaruan identiti, perkahwinan, kematian, hak penjagaan anak dan sebagainya antara sebab yang mendorong kepada idea penghasilan projek S3MAIS



2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.4 : SIGNIFIKAN SENARIO DIKENALPASTI (HASIL ANALISIS DATA)

❖ KAEDAH PENGUMPULAN DATA : TEMU BUAL

PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS - CARTA ALIR PERMASALAHAN



Huraian :


- ❖ Individu yang berhasrat untuk memeluk agama Islam bertujuan untuk berkahwin hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak JAIS dan setelah satu surat pengesahan dan kad akuan dikeluarkan seterusnya memohon pindaan butiran dalam kad pengenalan di JPN.
- ❖ Sekiranya berlaku perceraian dan individu tersebut berhasrat mendaftar perkahwinan buat kali kedua bersama pasangan bukan Islam di MAIS, pendaftaran perkahwinan itu tidak dibenarkan disebabkan individu tersebut masih beragama Islam dan tercatat pada kad pengenalan status agama berstatus Islam.
- ❖ Perkara ini menyumbang kepada pasangan tersebut bersekedudukan dan jika pasangan tersebut mempunyai anak, anak pasangan ini akan berstatus anak tak sah taraf.

2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.4 : SIGNIFIKAN SENARIO DIKENALPASTI (HASIL ANALISIS DATA)

❖ KAEDAH PENGUMPULAN DATA : TEMU BUAL

PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS - CARTA ALIR PERMASALAHAN



Huraian :

- ❖ Individu yang berhasrat untuk memeluk agama Islam bertujuan untuk berkahwin hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak JAIS dan setelah satu surat pengesahan dan kad akuan dikeluarkan pemohon tidak memohon pindaan butiran dalam kad pengenalan di JPN.
- ❖ Sekiranya berlaku perceraian secara teratur atau tidak dan individu tersebut berhasrat mendaftar perkahwinan buat kali kedua bersama pasangan bukan Islam di MAIS, pendaftaran perkahwinan itu tidak mustahil akan berjaya didaftar disebabkan individu tersebut masih memegang kad pengenalan yang tiada catitan status agama Islam.
- ❖ Perkara ini menyebabkan berlakunya pertindihan maklumat perkahwinan seterusnya mencemarkan keharmonian institusi sesebuah keluarga.
- ❖ Maklumat yang direkod juga menjadi tidak tepat dan sah.

2. SIGNIFIKAN PROJEK


2.4 : SIGNIFIKAN SENARIO DIKENALPASTI (HASIL ANALISIS DATA)

❖ KAEDAH PEMILIHAN PROJEK : SESI BRAINSTORMING.



❖ KAEDAH PENGUMPULAN DATA : KAJIAN DATA DAN PENANDAARASAN

| TAHUN | JAIS | SPB (JPNS) | PERBEZAAN |
|---------------|---------------|--------------|--------------|
| 2012 | 1815 | 1249 | 566 |
| 2013 | 1734 | 1250 | 484 |
| 2014 | 1676 | 1181 | 495 |
| 2015 | 1538 | 1173 | 365 |
| 2016 | 1487 | 1155 | 332 |
| 2017 | 1459 | 1035 | 424 |
| 2018 | 1315 | 1141 | 174 |
| 2019 | 642 | 518 | 124 |
| JUMLAH | 11,666 | 8,702 | 2,964 |




Sumber : Statistik daripada Jabatan Agama Islam Sarawak dan Sistem Pindaan Butiran Kad Pengenalan, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak SPB (JPNS)

SPB (JPNS) adalah Sistem Pindaan Butiran Kad Pengenalan yang merekodkan permohonan pindaan butiran yang melibatkan pindaan nama dan agama Islam yang diterima di Jabatan Pendaftaran Negara.

Statistik diambil dari tahun 2012 sehingga Mei 2019.

Sistem E Hidayah (JAIS) merekodkan sebanyak 11,666 permohonan diterima dari tahun 2012 sehingga Mei 2019.

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak **2,964** yang telah memeluk agama Islam di Jabatan Agama Islam Sarawak tidak memohon pindaan butiran kad pengenalan. Sebanyak 25% daripada keseluruhan yang memeluk agama Islam dari tahun 2012 masih belum memohon pindaan butiran kad pengenalan.





2. SIGNIFIKAN PROJEK

2.5 : AKTA / PERATURAN / GARIS PANDUAN TERLIBAT



AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959 (AKTA 78) DAN PERATURAN-PERATURAN

CHAPTER 55, NATIVE CUSTOMARY MARRIAGE (MAINTENANCE) ORDINANCE, 2003

AKTA PENTADBIRAN PENGISLAMAN, 2012



PIAGAM PELANGGAN



Permohonan pindaan butiran kad pengenalan tertakluk di bawah Peraturan 14, Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Peraturan-Peraturan. Permohonan memeluk agama Islam di JAIS adalah mengikut Arahan Pentadbiran Pengislaman 2012, manakala pengesahan pendaftaran perkahwinan di MAIS berdasarkan Native Customary Marriage (Maintenance) Ordinance 2003.

3. TINDAKAN PENYELESAIAN

CADANGAN PENYELESAIAN DAN STRATEGI PERLAKSANAAN

Hasil analisa mendapati punca telah menyumbang kepada permasalahan adalah :

- ❖ Tiada peraturan / arahan spesifikasi bagi mengarahkan pemohon / terus datang ke JPN untuk membuat pindaan kad pengenalan.
- ❖ Tiada sistem untuk mendaftar data / maklumat untuk rujukan.
- ❖ Tiada penyelarasan untuk memproses / penyimpanan maklumat yang lebih sistematik

Oleh itu kumpulan De Borneo Croc telah membangunkan sebuah sistem pangkalan data yang sistematik bagi memudahkan urusan kerja penyimpanan dan semakan maklumat disamping membantu dalam melancarkan urusan kerja kakitangan dan urusan pemohon.



3. TINDAKAN PENYELESAIAN

PELAN STRATEGI TINDAKAN PENYELESAIAN

Kumpulan telah memilih DESIGN THINKING sebagai kaedah penyelesaian masalah. Malahan kumpulan telah berusaha menyelami dan memahami permasalahan melalui pemerhatian dan penglibatan diri.

FASA 1

KREATIVITI DAN INOVASI

AKTIVITI

1. Pembentukan pasukan
2. Mengenalpasti projek dan pengumpulan data
3. Perbincangan dengan JAIS
4. Analisa data dan menjana idea penyelesaian
5. Merangka sistem S3MAIS
6. Perbincangan dengan MAIS
7. Uji cuba 1
8. Memohon kelulusan Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Putrajaya
9. Membangun dan menambahbaik sistem S3MAIS bersama Bahagian Teknologi Maklumat, JPNM.
10. Uji cuba sistem yang telah ditambah baik

FASA 2

PELAKSANAAN DAN PENGUKURAN

AKTIVITI

11. Latihan kepada pengguna sistem
12. Perlaksanaan projek
13. Memohon hak cipta
14. Penyeragaman dan pemantauan projek

| FASA 1 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|----------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-----|-----|------|-----|-------------|-------------|-----|-----|------|------|
| TAHUN | 2018 | | | | | | | | | | 2019 | | | | | | | |
| AKTIVITI | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT |
| 1 | Perancangan | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 | | Perancangan | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 | | | Perancangan | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4 | | | | Perancangan | | | | | | | | | | | | | | |
| 5 | | | | | Perancangan | | | | | | | | | | | | | |
| 6 | | | | | | Perancangan | | | | | | | | | | | | |
| 7 | | | | | | | Perancangan | | | | | | | | | | | |
| 8 | | | | | | | | Perancangan | | | | | | | | | | |
| 9 | | | | | | | | | | | | | Perancangan | | | | | |
| 10 | | | | | | | | | | | | | | Perancangan | | | | |

| FASA 2 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|----------|------|--|--|--|--|--|--|--|--|--|------|--|--|--|-------------|-------------|-------------|-------------|
| TAHUN | 2018 | | | | | | | | | | 2019 | | | | | | | |
| AKTIVITI | | | | | | | | | | | | | | | JUN | JUL | OGOS | SEPT |
| 11 | | | | | | | | | | | | | | | Perancangan | | | |
| 12 | | | | | | | | | | | | | | | | Perancangan | | |
| 13 | | | | | | | | | | | | | | | | | Perancangan | |
| 14 | | | | | | | | | | | | | | | | | | Perancangan |

PETUNJUK : Perancangan Perlaksanaan

3. TINDAKAN PENYELESAIAN

PERLAKSANAAN TINDAKAN PENYELESAIAN

EMPATHY AND DEFINE

HASIL PENEMUAN AKTIVITI TEMU BUAL BERSAMA PEMOHON

PENGGUNA

1 NICHOLAS ANAK BUJANG

- ❖ Pemohon datang ke JPN untuk mendaftar kelahiran anaknya
- ❖ Anak terpaksa didaftarkan di bawah Seksyen 11 : Anak tak sah taraf.



2 PUAN NUR ALEEYA EMILY

- ❖ Merupakan kakitangan Bahagian Kad Pengenalan (BKP) JPN Sarawak.
- ❖ Puan Aleeya telah menemubual pemohon berkenaan untuk mengetahui lebih lanjut masalah yang dihadapi

MAKLUMAT MENARIK

1 Pemohon memberitahu bahawa beliau telah hadir ke Bahagian Kelahiran Kematian dan Anak Angkat (BKA) JPN Sarawak untuk membuat permohonan kemasukan maklumat bapa ke dalam sijil kelahiran anaknya namun pemohon dinasihat supaya merujuk ke Bahagian Kad Pengenalan bagi menyelesaikan masalah berkaitan status agamanya terlebih dahulu.

2 Dalam temubual tersebut Pn Aleeya memberitahu pemohon menghadapi masalah untuk memasukkan maklumat bapa dalam Sijil kerana kekangan status agamanya. Pn Aleeya telah meminta pemohon mengemukakan dokumen yang berkaitan yang berkaitan untuk disemak selain semakan sistem LU2 JPN.

PENEMUAN

- ❖ Daripada temubual serta semakan rekod sistem JPN dan dokumen yang dikemukakan mendapati anak pemohon terpaksa didaftarkan di bawah Seksyen 11 (Anak Tak Sah Taraf) kerana kakitangan JPN telah mendapati pemohon mempunyai rekod anak dan isteri yang beragama Islam. Setelah disemak dengan lebih lanjut didapati pemohon pernah memeluk agama Islam pada 28 Februari 2008 dan berkahwin dengan isteri berbangsa Melayu dan beragama Islam pada tarikh yang sama. Perkahwinan mereka bertahan selama 6 hari sahaja dan bercerai pada 05 Mac 2008. Semasa perceraian isteri pemohon sedang mengandung.
- ❖ Selepas perceraian pemohon telah mendaftar perkahwinan di MAIS pada 20 September 2019 bersama isteri berbangsa Iban dan beragama Kristian. Pemohon mendaftarkan perkahwinan secara adat dengan mengemukakan kad pengenalan dengan maklumat nama dan agama asal. Ini kerana pemohon tidak pernah memohon pindaan butiran kad pengenalan di JPN.

KITA HENDAK MEMBANTU

- ❖ Menyelesaikan masalah yang timbul dengan membangunkan sistem S3MAIS supaya JPN, JAIS dan MAIS mempunyai satu sistem semakan dari sumber yang sama bagi menyemak status individu yang telah memeluk agama Islam tetapi belum membuat penukaran butiran kad pengenalan bagi mengelak mendaftar dan merekod maklumat yang tidak tepat.

3. TINDAKAN PENYELESAIAN

PERLAKSANAAN TINDAKAN PENYELESAIAN

EMPATHY AND DEFINE

HASIL PENEMUAN AKTIVITI TEMU BUAL BERSAMA PEMOHON

PENGGUNA

- | | |
|---|--|
| 1 MORIN ANAK LEGIN <ul style="list-style-type: none">❖ Merujuk kepada pemohon yang datang memohon Kad Pengenalan 12 tahun untuk anak kandungnya MAKINARIF BIN ABDULLAH | 2 PUAN HAMIDAH BINTI SADAM <ul style="list-style-type: none">❖ Merupakan perugas kaunter Bahagian Kad Pengenalan (BKP) JPN Sarawak. |
|---|--|

MAKLUMAT MENARIK

- | | |
|--|--|
| 1 Pemohon telah hadir ke kaunter dan mengemukakan borang permohonan KP01 dan sijil kelahiran anak beliau MAKINARIF BIN ABDULLAH untuk permohonan MyKad kali pertama 12 tahun. | 2 Semasa berurusan Pn Hamidah mendapati anak pemohon beragama Islam serta maklumat agama di ruangan maklumat ibu pada sijil kelahiran anaknya juga beragama Islam. Puan Morin memberitahu bekas suami beliau sebelum ini beragama Islam tetapi mereka telah bercerai. Pn Hamidah membuat semakan lanjut melalui Sistem LU2 dan semakan rekod dengan Pusat Rekod mendapati ada Salinan Sijil Perkahwinan |
|--|--|

PENEMUAN

- ❖ Pn Aleeya telah menemubual pemohon berkenaan status anak dan pemohon sendiri. Pemohon menceritakan beliau telah memeluk agama Islam pada tahun 2007 dan berkahwin pada tahun yang sama, namun bercerai pada tahun 2008. Beliau tidak mengetahui dokumen perceraian kerana disimpan oleh pihak suami. Beliau juga tidak pernah memohon Pindaan nama dan agama dalam Kad Pengenalan dan mereka telah dikurniakan seorang anak bernama Makinarif bin Abdullah. Setelah bercerai dengan suami pertama pada tahun 2011 beliau telah berkahwin dengan lelaki berbangsa Iban beragama Kristian pada tahun 2011. Namun melalui semakan rekod perkahwinan dengan suami kedua tarikh sebenar ialah pada 14/09/2009 di JPN Negeri Johor dan dikurniakan 2 orang anak yang lahir pada tahun 2010 dan 2019. Status agama di dalam rekod kedua-dua anaknya tersebut ialah Kristian. Beliau ada memberitahu bahawa beliau juga tidak pernah memohon untuk keluar dari Agama Islam.

KITA HENDAK MEMBANTU


- ❖ Berdasarkan hasil temubual di atas kumpulan mendapati telah berlaku pertindihan perkahwinan dan rekod kelahiran kedua-dua anaknya juga tidak teratur kerana tiada sebarang rekod data di JPN menunjukkan bahawa pemohon pernah memeluk agama Islam dan juga tiada sebarang rekod Pindaan nama dan agama. Justeru, Kumpulan De Borneo Croc ingin membantu menyelesaikan masalah yang timbul dengan membangunkan sistem S3MAIS supaya JPN, JAIS dan MAIS mempunyai satu sistem semakan dari sumber yang sama bagi menyemak status individu yang telah memeluk agama Islam tetapi belum membuat penukaran butiran kad pengenalan bagi mengelak mendaftar dan merekod maklumat yang tidak tepat dan tidak teratur.

3. TINDAKAN PENYELESAIAN


PERLAKSANAAN TINDAKAN PENYELESAIAN

| KRITERIA IDEATE | SISTEM | PENGUMPULAN DATA | PENJIMATAN MASA | KAEDAH | PROSES KERJA |
|--|---|--|---|---|--------------------------------------|
| <p>Membangun sistem pangkalan data berpusat dengan maklumat yang dikongsi bersama 3 agensi.</p> <p>Sumber data daripada agensi yang bertanggung jawab.</p> | <p>Membangun sistem S3MAIS berasaskan web base.</p> <p>Bahasa Pengaturcaraan : PHP</p> <p>Pangkalan data : Maria DB</p> | <p>Sumber data adalah dari JAIS dan sistem hanya dapat di akses melalui ID Pengguna dan kata laluan yang di daftarkan sahaja</p> | <p>Mengurangkan tempoh masa semakan maklumat.</p> | <p>Maklumat yang dikongsi Bersama pegawai JPN, JAIS dan MAIS</p> <p>Semakan melalui sistem berbanding semakan secara manual sebelum ini</p> | <p>Proses kerja cepat dan tepat.</p> |


CARTA ALIR SISTEM



CARTA ALIR DATA




CARTA ALIR SEMAKAN



3. TINDAKAN PENYELESAIAN

PENGHASILAN PROTOTYPE




PERLAKSANAAN TINDAKAN PENYELESAIAN

Bagi uji coba sistem, kumpulan telah melaksanakan percubaan di mana uji coba pertama telah dilaksanakan di **Bahagian Kad Pengenalan, JPN Negeri Sarawak** dan uji coba kedua setelah penambahbaikan dilakukan di Bahagian Teknologi Maklumat, JPN Putrajaya.

| BIL | PERKARA | TEMPOH | HASIL |
|-----|---|--------------|---|
| 1 | UJICUBA 1 DI BAHAGIAN KAD PENGENALAN | 2 April 2019 | TIDAK BERJAYA kerana semakan kemasukan data hanya dapat dibuat di Bahagian Kad Pengenalan JPNS sahaja |
| 2 | UJICUBA 2 DI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, JPNM | 9 Julai 2019 | BERJAYA dengan ID pengguna dan kata laluan. Kemasukan data dan semakan berjaya dilaksanakan. |



PAPARAN SKRIN PROJEK



Mula / Login sistem

Kemasukan data

Pengurusan ID pengguna



Laman utama

Semakan data

Laporan

4. KEBERHASILAN PROJEK

HASIL PROJEK SECARA KESELURUHAN

A. JANGKA MASA PENDEK (OUTCOME)

KEPUASAN PELANGGAN

- ❖ Piagam pelanggan JPNS, JAIS dan MAIS tercapai.
- ❖ Pelanggan tidak perlu berurusan lama di kaunter JPN dan MAIS kerana maklumat telah dikemaskini dalam Sistem S3MAIS
- ❖ Pelanggan tidak perlu berulang alik ke JAIS, JPN ataupun MAIS untuk mendapatkan maklumat.
- ❖ Membantu menyelesaikan masalah pelanggan dalam masa yang singkat.

KAKITANGAN

- ❖ Memperoleh maklumat dalam jangka masa yang singkat.
- ❖ Dapat mendaftar data yang sah dengan sistematik
- ❖ Mengurangkan tekanan kerja kakitangan.
- ❖ Semakan maklumat individu yang memeluk agama Islam yang sah kerana kemasukan data maklumat adalah dari Jabatan Agama Islam sendiri.

PENJIMATAN KOS

- ❖ Penjimatan kos jabatan kerana pembangunan sistem dalaman (in-house).
- ❖ Penjimatan kos pengeposan surat antara jabatan.

PENJIMATAN MASA

- ❖ Masa semakan maklumat dapat disingkatkan kerana dapat dilakukan melalui sistem berbanding semakan manual sebelum ini.
- ❖ Masa mendapatkan statistik keseluruhan permohonan yang diterima di pejabat-pejabat Majlis agama Islam disingkatkan kerana sistem S3MAIS adalah data berpusat berbanding sebelum S3MAIS capaian maklumat mengikut bahagian atau daerah.


4. KEBERHASILAN PROJEK

HASIL PROJEK SECARA KESELURUHAN

A. JANGKA MASA PENDEK (OUTCOME)

| PENJIMATAN | SEBELUM PROJEK | SELEPAS PROJEK |
|------------|--|-------------------------------------|
| POS | Satu permohonan – RM 10.00 Setahun – RM 480 | Tiada kos pos |
| MASA | Penghantaran Surat JPN kepada JAIS – 4 hari Surat balas JAIS ke JPN – 16 hari | Semakan sistem pada hari yang sama. |

CARTA PERBANDINGAN PENJIMATAN KOS SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK



Masa semakan sebelum projek sangat lama sehingga 20 hari sebelum projek dilaksanakan, selepas projek dilaksanakan semakan dilakukan melalui sistem S3MAIS pada hari yang sama dan hanya mengambil masa selama 1 minit.

DATA SELEPAS PERLAKSANAAN PROJEK



31,350

Rekod perkahwinan adat di Majlis Adat Istiadat Sarawak dari tahun 2010-2019



11,666

Rekod memeluk agama Islam di Jabatan Agama Islam Sarawak dari tahun 2012-2019



8,702

Rekod menukar kad pengenalan setelah memeluk agama Islam di JPN Negeri Sarawak dari tahun 2012-2019



51,718

Jumlah data individu yang dikongsikan bersama diantara tiga(3) agensi JPN, JAIS dan MAIS di dalam Sistem S 3 M A I S)

SUMBER MANUSIA

- ❖ Memperoleh maklumat dengan mudah dan dalam jangka masa yang singkat.
- ❖ Mengoptimumkan penggunaan sumber manusia yang sedia ada
- ❖ Memantapkan tadbir urus sistem dan prosedur kerja.

4. KEBERHASILAN PROJEK

HASIL PROJEK SECARA KESELURUHAN

A. JANGKA MASA PENDEK (OUTCOME)

PENINGKATAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI

- ❖ Kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan meningkat dengan adanya semakan terus pada sistem S3MAIS.
- ❖ Kualiti dan produktiviti kerja kakitangan dalaman meningkat kerana semakan dapat dibuat dengan cepat seterusnya mengurangkan bebanan kerja.
- ❖ Kualiti semakan maklumat individu dipertingkatkan dengan wujudnya sistem S3MAIS di mana sekiranya individu .

KESELAMATAN DATA TERPERINGKAT

- ❖ Penyimpanan rekod yang sistematik dan selamat.
- ❖ Menjamin kerahsian, integriti, kesahihan dan kebolehsediaan (access) kepada pengguna yang dibenarkan sahaja melalui ID pengguna dan kata laluan.
- ❖ Pelbagai peringkat capaian maklumat dilaksanakan yang terbahagi kepada kemasukan maklumat dan semakan.

JARINGAN KOMUNIKASI

- ❖ Kerjasama dan jaringan komunikasi antara 3 Agensi iaitu JPNS, JAIS DAN MAIS dipertingkatkan dengan adanya S3MAIS.
- ❖ Melalui jaringan komunikasi ini, semakan maklumat individu lebih tepat seterusnya mengelak daripada pengeluaran dokumen perkahwinan yang tidak teratur.

IMEJ JABATAN

- ❖ Kerjasama strategik antara 3 Agensi iaitu JPNS, JAIS DAN MAIS meningkatkan imej jabatan/agensi yang terlibat.
- ❖ Memberikan nama baik dan menjaga imej jabatan.

4. KEBERHASILAN PROJEK

B. JANGKA MASA PANJANG (IMPAK)

ANALISA KOS

| PERKARA | PEMBANGUNAN DALAMAN (IN-HOUSE) | VENDOR |
|-----------------|---------------------------------|---|
| PERISIAN | SEDIA ADA | RM 4,000 |
| GAJI KAKITANGAN | MELIBATKAN KAKITANGAN SEDIA ADA | RM 10,000 X 12 X16 BULAN = RM 1, 920,000 |
| SERVER | SEDIA ADA | RM 25,000 |
| RANGKAIAN | SEDIA ADA | RM 4,000 |
| JUMLAH | 0 | RM 1, 953,000.00 |

SUMBER : BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Penjimatan pembangunan sistem sebanyak RM 1,953,000.00


| PERKARA | PEMBANGUNAN DALAMAN (IN-HOUSE) |
|---------|--------------------------------|
| LATIHAN | RM 15,000 |

FAEDAH PROJEK (ROI)

- ❖ Penjimatan kos jabatan dan kerajaan.
- ❖ Merealisasikan hasrat kerajaan ke arah penyampaian perkhidmatan digital.
- ❖ Keselamatan penyimpanan data terjamin kerana pemantauan berterusan oleh JPNM melalui pangkalan data sendiri.
- ❖ Perkongsian dan integrasi data selamat dan sah melalui Blue Ocean Strategy di antara JPNS, JAIS dan MAIS.
- ❖ Mengoptimumkan sumber manusia dengan menggunakan kepakaran kakitangan dalaman dan hanya melibatkan seorang kakitangan berbanding 3 orang sebelum ini
- ❖ Impak jangka masa panjang S3MAIS adalah sebagai sumber rujukan utama kepada agensi dan stakeholder (pemegang kepentingan).
- ❖ Dapat direplikasi dan diperluaskan jaringan perkongsian data antara JPN seluruh Malaysia dan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing dan agensi yang berkaitan.

4. KEBERHASILAN PROJEK

CARTA BAR SERTA RAJAH BERKAITAN



PERBANDINGAN SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK


PROSES CARTA ALIR / MODEL



4. KEBERHASILAN PROJEK

PERBANDINGAN SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK

PROSES CARTA ALIR / MODEL



IMPAK PROJEK (SOSIAL, EKONOMI DAN PERSEKITARAN)

Sosial

- ❖ Membantu dalam membendung masalah sosial seperti perebutan mayat apabila berlaku kematian yang sering viral di media sosial dari terus berlaku seperti di lampiran.
- ❖ Menyumbang ke arah keharmonian masyarakat yang berbilang kaum dan agama.
- ❖ Perkahwinan Sivil dan Adat serta perkahwinan Islam yang teratur dan terpelihara.
- ❖ Tiada kecelaruan identiti dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Ekonomi

- ❖ Membantu kerajaan merancang pembangunan berdasarkan rekod kependudukan yang tepat.
- ❖ Penjimatan kos jabatan dan kerajaan dalam pembangunan sistem.
- ❖ Menjamin kestabilan ekonomi masyarakat.

4. KEBERHASILAN PROJEK

IMPAK PROJEK (SOSIAL, EKONOMI DAN PERSEKITARAN)

Persekitaran

- ❖ Merupakan kolaborasi pertama yang melibatkan perkongsian data sensitif melibatkan 3 Agensi yang berlainan fungsi.
- ❖ Persekitaran kerja yang lebih baik dan kondusif dengan adanya sistem semakan data berpusat di mana data ketiga – tiga agensi telah digabung ke dalam S3MAIS.
- ❖ Tiada lagi semakan maklumat secara manual di antara JPNS, JAIS dan MAIS dilakukan kerana semakan boleh dibuat secara terus.
- ❖ Mengelakkan konflik dan isu perkauman dari terus berlaku terutama melibatkan isu agama.
- ❖ Kebebasan hak beragama terpelihara.
- ❖ Kerjasama antara jabatan dan agensi lebih kukuh.
- ❖ Peratusan kajian kepuasan ke atas 15 orang kakitangan JPNS, JAIS dan MAIS juga menunjukkan peningkatan positif seperti dilampiran.


5. PENGEMBANGAN PROJEK

AKTIVITI PENYERAGAMAN DI PERINGKAT JPNS, JAIS DAN MAIS

MOU Kerjasama antara JPNS, JAIS, MAIS, telah ditandatangani pada 9 Ogos 2019 bertempat di JPNS.



Latihan penggunaan Sistem oleh pegawai BTM bagi tujuan penyeragaman telah dilaksanakan melibatkan kakitangan dan pegawai JPNS, JAIS dan MAIS serta Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil juga diadakan pada hari yang sama.



LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN INOVASI (HARTA INTELEK)

S3MAIS akan didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sebagai langkah perlindungan Inovasi (harta Intelek)



TINDAKAN REPLIKASI

S3MAIS boleh diperluaskan dan menjadi contoh jaringan komunikasi dan perkongsian data antara JPN seluruh Malaysia dengan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing serta agensi yang berkaitan agar data kependudukan lebih mantap, sahih dan tepat. S3MAIS akan diwar-warkan kepada agensi-agensi lain.

5. PENGEMBANGAN PROJEK

KEKANGAN PROJEK

Kekangan projek adalah penglibatan pelbagai jabatan / agensi menyebabkan kesukaran perjumpaan ahli kumpulan. Projek yang melibatkan sistem web base memerlukan kepakaran dalam pengaturcaraan dari Bahagian Sistem Maklumat.

Faktor keselamatan dan kerahsiaan data maklumat peribadi dan hak privasi individu menyebabkan perkongsian maklumat terhad antara jabatan/agensi. Permohonan perlu dikemukakan kepada pengurusan tertinggi untuk membenarkan akses kepada maklumat tertentu di dalam pangkalan data untuk dikongsi bersama. Selain itu, persetujuan dua hala di antara pengurusan tertinggi menyebabkan penyiapan projek mengambil masa yang agak lama.

PEMBELAJARAN DIPEROLEHI (LEASON LEARNT)

- ❖ Melalui projek ini, kumpulan kami secara tidak langsung memperolehi pengalaman, pengetahuan yang baru dan terkini berkaitan pengendalian dan pengurusan projek KIK Hibrid.
- ❖ Perkongsian maklumat dan pengetahuan antara 3 agensi.
- ❖ Mengetahui fungsi dan peranan jabatan yang terlibat.
- ❖ Saling mengenali dan mengeratkan silaturrahim antara ahli kumpulan.
- ❖ Masalah pelanggan dapat diselesaikan bersama agensi yang terlibat.

6. PENGHARGAAN

Kumpulan De Borneo Croc merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi JPNM, Pengarah JPNS, Pengarah JAIS dan Ketua Majlis MAIS di atas komitmen dan sokongan tinggi kepada pelaksanaan projek ini. Selain itu, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pembangunan projek S3MAIS.

Sekian, terima kasih.